



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 93 / 2024

DANA SUKAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN 2025

1. Selari dengan hasrat untuk merakyatkan sukan melalui pendekatan *whole-of-nation*, Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan beberapa dana untuk meningkatkan prestasi sukan, membudayakan gaya hidup cergas dan memacu industri sukan negara.
2. Untuk tahun 2025, tiga dana yang disediakan untuk sukan adalah Geran Padanan Sukan (GPS), Dana Sukan Komuniti (DSK) dan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN).
3. Susulan daripada sambutan menggalakkan dan input yang diterima pada tahun 2024, KBS telah menambah baik mekanisma dan terma rujukan permohonan supaya faedah dana ini dapat meliputi penganjuran aktiviti sukan yang melibatkan 103 jenis sukan seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576].
4. Permohonan untuk dana ini perlu mematuhi semua terma rujukan dalam garis panduan yang boleh dimuat turun daripada laman web KBS. YB Menteri Belia dan Sukan telah menetapkan untuk tahun 2025, semua **pertandingan antarabangsa yang dianjurkan di Malaysia perlu mendapat kelulusan YB Menteri sebelum dilaksanakan**. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2026, selari dengan seksyen 33, Akta Pembangunan Sukan Negara 1997 [Akta 576], **kebenaran bertulis YB Menteri perlu diperolehi sebelum membuat tawaran atau menawarkan diri** untuk menjadi tuan rumah bagi apa-apa pertandingan atau acara sukan antarabangsa di Malaysia.

5. Butiran bagi dana sukan tersebut adalah seperti berikut :

GERAN PADANAN SUKAN (GPS)

- I. GPS memberi peluang kepada badan sukan yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya Sukan (PJS), kelab/ pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS). Skop permohonan meliputi penganjuran program sukan bagi sukan prestasi tinggi dan impak tinggi di peringkat Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa yang dilaksanakan di dalam negara.
- II. Penyaluran peruntukan GPS ini adalah secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) selepas program selesai dilaksanakan dengan jumlah pembiayaan sehingga 50% daripada kos keseluruhan program atau maksimum sehingga RM1 juta (tertakluk kepada terma dan syarat).
- III. Permohonan melebihi satu kali. Setiap pemohon boleh membuat permohonan beberapa kali dengan syarat hanya dipertimbangkan satu kelulusan bagi setiap jendela dan kelulusan bagi permohonan seterusnya akan diberi setelah laporan lengkap dikemukakan dan bayaran tuntutan telah disempurnakan untuk kelulusan terdahulu.

DANA SUKAN KOMUNITI

- I. Dana Sukan Komuniti (DSK) merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang diberikan kepada badan sukan yang berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) atau pertubuhan belia yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY).
- II. Skop pelaksanaan program / aktiviti adalah di peringkat komuniti yang melibatkan program pembangunan sukan dan sukan untuk semua (*sports for all*) yang melibatkan aktiviti kecergasan, sukan dan rekreasi.
- III. Bantuan ini diberikan secara *one-off* bagi kelulusan bernilai RM10,000.00 ke bawah. Bagi kelulusan melebihi RM10,000.00, penyaluran akan dilakukan secara berperingkat, iaitu 70% sebagai pendahuluan, manakala baki 30% akan disalurkan selepas laporan pelaksanaan program lengkap dikemukakan. Jumlah maksimum dana bantuan DSK bagi tahun 2025 adalah RM50,000.00 secara terkumpul, dengan kadar kelulusan mengikut pilihan berikut: RM10,000.00, RM15,000.00, RM20,000.00, RM25,000.00, atau RM30,000.00

6. Bagi tahun 2025, Jendela Permohonan dan Pelaksanaan Program untuk GPS dan DSK adalah seperti berikut :

TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN
1 Feb - 28 Feb 2025	31 Dis 2024	24 Jan 2025
1 Mac - 14 April 2025	31 Jan 2025	15 Feb 2025
15 Apr - 30 Jun 2025	15 Feb 2025	15 Mac 2025
1 Jul - 31 Ogos 2025	30 Apr 2025	30 Mei 2025
1 Sept - 30 Sept 2025	30 Jun 2025	31 Jul 2025
1 Okt - 31 Okt 2025	15 Ogos 2025	15 Sept 2025

KUMPULAN WANG AMANAH SUKAN NEGARA (Kwasn)

- I. Inisiatif geran/ dana Kwasn disediakan kepada persatuan sukan yang berkelayakan untuk menganjurkan pertandingan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk penyertaan atlet (sama ada yang bernaung di bawah persatuan sukan ataupun persendirian) dalam kejohanan bertaraf antarabangsa di luar negara.
- II. Permohonan Kwasn adalah tertakluk kepada terma dan syarat. Penganjuran program/ aktiviti sukan serta penyertaan ke kejohanan sukan adalah berdasarkan kepada jenis sukan yang tersenarai di dalam Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama) 2023, Akta 576 yang boleh dimuat turun dari laman web KBS.
- III. Orang ramai boleh melayari laman web KBS (<https://www.kbs.gov.my/utama-kwasn>) bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung permohonan tersebut.

TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)	CATATAN
1 Januari – 28 Februari 2025	15 November 2024	15 Disember 2024	Permohonan secara manual melalui serahan borang
1 Mac – 30 April 2025	1 Januari 2025	31 Januari 2025	Permohonan secara manual melalui serahan borang
1 Mei – 30 Jun 2025	1 Mac 2025	31 Mac 2025	Permohonan secara atas talian
1 Julai – 31 Ogos 2025	1 Mei 2025	31 Mei 2025	
1 September – 31 Oktober 2025	1 Julai 2025	31 Julai 2025	
1 November – 31 Disember 2025	1 September 2025	30 September 2025	

7. Pelaksanaan inisiatif ini diharap dapat terus menggalakkan pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat, mengupaya kelab / pertubuhan sukan dan seterusnya meningkatkan prestasi atlet melalui penganjuran–penganjuran pertandingan sukan yang kompetitif di pelbagai peringkat.
8. KBS dan mana-mana agensi di bawahnya **tidak mengenakan sebarang caj, komisen atau fi** untuk permohonan atau kelulusan dana sukan ini. Orang awam dipohon untuk **melaporkan kepada Unit Integriti, KBS** (unit_integriti@kbs.gov.my) jika menghadapi sebarang insiden sedemikian.
9. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan berkenaan GPS, DSK dan KWASN boleh didapati di laman sesawang www.kbs.gov.my atau pemohon dipelawa hadir ke Bilik Gerakan Dana Sukan KBS, Aras 2, Menara KBS, No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya. Ringkasan berkaitan tiga dana ini adalah seperti di **LAMPIRAN**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
19 Disember 2024**

PERMOHONAN GERAN/ DANA BAGI PROGRAM DAN AKTIVITI PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

BIL	PERMOHONAN	PEMOHON	TAKWIM PERMOHONAN			MAKLUMAT PERHUBUNGAN																					
1.	Geran Padanan Sukan (GPS)	<ul style="list-style-type: none"> Badan Sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Pendaftar 	<table border="1"> <thead> <tr> <th>TARIKH PROGRAM</th> <th>PERMOHONAN DITUTUP PADA</th> <th>TARIKH KEPUTUSAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 Feb – 28 Feb 2025</td> <td>31 Dis 2024</td> <td>24 Jan 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Mac – 14 April 2025</td> <td>31 Jan 2025</td> <td>15 Feb 2025</td> </tr> <tr> <td>15 Apr – 30 Jun 2025</td> <td>15 Feb 2025</td> <td>15 Mac 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Jul – 31 Ogos 2025</td> <td>30 Apr 2025</td> <td>30 Mei 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Sept – 30 Sept 2025</td> <td>30 Jun 2025</td> <td>31 Jul 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Okt – 31 Okt 2025</td> <td>15 Ogos 2025</td> <td>15 Sept 2025</td> </tr> </tbody> </table>			TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN	1 Feb – 28 Feb 2025	31 Dis 2024	24 Jan 2025	1 Mac – 14 April 2025	31 Jan 2025	15 Feb 2025	15 Apr – 30 Jun 2025	15 Feb 2025	15 Mac 2025	1 Jul – 31 Ogos 2025	30 Apr 2025	30 Mei 2025	1 Sept – 30 Sept 2025	30 Jun 2025	31 Jul 2025	1 Okt – 31 Okt 2025	15 Ogos 2025	15 Sept 2025	<p>Laman Web: https://www.kbs.gov.my/gps</p> <p>Urus Setia GPS No Telefon: 03-8871 3058 / 03-8871 3315</p> <p>E-mel: sekretariatgps@kbs.gov.my</p> <p>Bilik Gerakan: Aras 2, Menara KBS, Putrajaya</p>
TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN																									
1 Feb – 28 Feb 2025	31 Dis 2024	24 Jan 2025																									
1 Mac – 14 April 2025	31 Jan 2025	15 Feb 2025																									
15 Apr – 30 Jun 2025	15 Feb 2025	15 Mac 2025																									
1 Jul – 31 Ogos 2025	30 Apr 2025	30 Mei 2025																									
1 Sept – 30 Sept 2025	30 Jun 2025	31 Jul 2025																									
1 Okt – 31 Okt 2025	15 Ogos 2025	15 Sept 2025																									
			<p><i>*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa</i></p>																								

LAMPIRAN

BIL	PERMOHONAN	PEMOHON	TAKWIM PERMOHONAN	MAKLUMAT PERHUBUNGAN																					
		Pertubuhan Malaysia (ROS)																							
2.	Dana Sukan Komuniti (DSK)	<ul style="list-style-type: none"> • Badan Sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) • Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) 	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 33%;">TARIKH PROGRAM</th> <th style="width: 33%;">PERMOHONAN DITUTUP PADA</th> <th style="width: 33%;">TARIKH KEPUTUSAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 Feb - 28 Feb 2025</td> <td>31 Dis 2024</td> <td>24 Jan 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Mac - 14 April 2025</td> <td>31 Jan 2025</td> <td>15 Feb 2025</td> </tr> <tr> <td>15 Apr - 30 Jun 2025</td> <td>15 Feb 2025</td> <td>15 Mac 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Jul - 31 Ogos 2025</td> <td>30 Apr 2025</td> <td>30 Mei 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Sept - 30 Sept 2025</td> <td>30 Jun 2025</td> <td>31 Jul 2025</td> </tr> <tr> <td>1 Okt - 31 Okt 2025</td> <td>15 Ogos 2025</td> <td>15 Sept 2025</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center; margin-top: 10px;"><i>*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa</i></p>	TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN	1 Feb - 28 Feb 2025	31 Dis 2024	24 Jan 2025	1 Mac - 14 April 2025	31 Jan 2025	15 Feb 2025	15 Apr - 30 Jun 2025	15 Feb 2025	15 Mac 2025	1 Jul - 31 Ogos 2025	30 Apr 2025	30 Mei 2025	1 Sept - 30 Sept 2025	30 Jun 2025	31 Jul 2025	1 Okt - 31 Okt 2025	15 Ogos 2025	15 Sept 2025	<p>Laman Web: https://www.kbs.gov.my/dsk</p> <p>Urus Setia DSK No Telefon: 03-8871 3585/ 03-8871 3202</p> <p>E-mel: sekretariatdsk@kbs.gov.my</p> <p>Bilik Gerakan: Aras 2, Menara KBS, Putrajaya</p>
TARIKH PROGRAM	PERMOHONAN DITUTUP PADA	TARIKH KEPUTUSAN																							
1 Feb - 28 Feb 2025	31 Dis 2024	24 Jan 2025																							
1 Mac - 14 April 2025	31 Jan 2025	15 Feb 2025																							
15 Apr - 30 Jun 2025	15 Feb 2025	15 Mac 2025																							
1 Jul - 31 Ogos 2025	30 Apr 2025	30 Mei 2025																							
1 Sept - 30 Sept 2025	30 Jun 2025	31 Jul 2025																							
1 Okt - 31 Okt 2025	15 Ogos 2025	15 Sept 2025																							

PERMOHONAN GERAN/ DANA DI BAWAH KUMPULAN WANG AMANAH SUKAN NEGARA (Kwasn)

PEMOHON	TAKWIM PERMOHONAN				MAKLUMAT PERHUBUNGAN
<ul style="list-style-type: none"> • Badan Sukan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) • Atlet yang bernaung di bawah persatuan sukan • Atlet persendirian 	TARIKH PROGRAM	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	KEPUTUSAN (sebelum/ pada)	CATATAN	<p>Laman Web: https://www.kbs.gov.my/utama-kwasn</p> <p>Urus Setia KWASN No Telefon: 03-8871 3720/ 03-8871 3202</p> <p>E-mel: unitbantuanjbsn@kbs.gov.my</p>
	1 Januari – 28 Februari 2025	15 November 2024	15 Disember 2024	Permohonan secara manual melalui serahan borang	
	1 Mac – 30 April 2025	1 Januari 2025	31 Januari 2025	Permohonan secara manual melalui serahan borang	
	1 Mei – 30 Jun 2025	1 Mac 2025	31 Mac 2025	Permohonan secara atas talian	
	1 Julai – 31 Ogos 2025	1 Mei 2025	31 Mei 2025		
	1 September – 31 Oktober 2025	1 Julai 2025	31 Julai 2025		
	1 November – 31 Disember 2025	1 September 2025	30 September 2025		
<i>*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa</i>					